

INSTALASI UBUNTU PADA TUMB DRIVE

LIVE Ubuntu membolehkan sistem operasi berkenaan di gunakan dari media seperti tumb drive. Namun segala yang dibuat di dalam sistem operasi berkenaan akan hilang setiap kali reboot. Alternatif adalah membuat instalasi Ubuntu pada tumb drive seumpama tumb drive berkenaan berfungsi sebagai *hard disk*. Langkah ini akan memastikan sistem operasi Ubuntu akan mengekalkan segala fail dan instalasi pada tumb drive berkenaan.

Instalasi Linux mensyaratkan satu partition diaktifkan sebagai root, iaitu "/" dan partition kedua sebagai swap. Swap parititon diperlukan di dalam situasi di mana jumlah RAM yang terdapat pada komputer berkenaan tidak dapat memenuhi keperluan semasa.

Source instalasi media : DVD Ubuntu.

Destinasi instalasi media : Tumb drive saiz 8 GB (minima 4 GB). Gunakan tumb drive yang berkelajuan tinggi.


Nota: Langkah berikut perlu di buat dari komputer fizikal.

189. Setup BIOS supaya *boot* dari CD sebagai pilihan pertama.

190. *Bootup* dari DVD Ubuntu.

191. Pilih **Install Ubuntu** | Gunakan konfigurasi *default*, klik **Continue**.


192. Pilih **Something else**. Klik **Continue**.




193. Pilih **sdb** , iaitu tumb drive semasa

Device	Type	Mount point	Format?	Size	Used
/dev/sda					
/dev/sda1	ntfs		<input type="checkbox"/>	104 MB	35 MB
/dev/sda2	ntfs		<input type="checkbox"/>	26736 MB	8816 MB
/dev/sdb					
/dev/sdb1	fat32		<input type="checkbox"/>	4005 MB	556 MB


194. Pilih **sdb1** , klik **Change**.




195. Pilih **Ext4** | Saiz **3000** MB atau lebih (tingalkan 1000 MB) dan **/** . Klik **OK**.



196. Pada *window* **Write previous changes to disk and continue?** Klik **Continue**.
197. Pilih **free space**. Saiz: **1000 MB**. Use as: **Swap area**. Klik **OK**.



198. Pilih **/dev/sdb** dan pilih Device for boot loader installation: **/dev/sdb**.
199. Pilih **Install Now**.



200. Pilih Location: **Kuala Lumpur** | Keyboard: **English (US)**.
201. Setelah selesai instalasi, klik **Reboot**.
202. Komputer semasa kini boleh *reboot* dari tumb drive berkenaan dan menggunakan sistem operasi Ubuntu seumpama ia di instal pada *hard disk*. Ia tidak lagi berfungsi seumpama live cd.
203. Jika tumb drive berkenaan di pasangkan ke pada Windows 7 atau 8 , *window* berikut akan kelihatan. Tentukan anda tidak memilih format disk.

